

# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 ( 39 )

6 Jun 2018  
21 Ramadan 1439

## **PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 34/2018**

### **PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN PENILAIAN PRESTASI STAF AKADEMIK (E-LPPT): MENGAMBIL KIRA PENGIKTIRAFAN AHLI SENAT YANG MENGHADIRI SENAT DAN JAWATANKUASA TETAP SENAT (JKTS) UNIVERSITI DAN MARKAH PENERBITAN ARTIKEL DI JURNAL DALAMAN UTM (JURNAL TIDAK BERINDEKS)**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 24 bertarikh 7 November 2017 telah meluluskan cadangan untuk mengiktiraf sumbangan dan komitmen ahli Senat (subseksyen 22(1)(d)) yang menghadiri Senat dan Jawatankuasa Tetap Senat (JKTS) melalui markah *Key Amal Indicator* (KAI) bagi pentadbir akademik dan markah keseluruhan kepada staf akademik bukan pentadbir mulai penilaian tahun 2017.


2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 26 bertarikh 27 Disember 2017 juga telah bersetuju untuk mengiktiraf penerbitan artikel staf di jurnal dalaman UTM (jurnal tidak berindeks) mulai penilaian tahun 2018 dan pada masa yang sama memastikan ia mampu mengekalkan status Universiti Penyelidikan (*RU – Research University*) selaras dengan keperluan instrumen dalam MyRAII (*Malaysia Research Assessment Instrument II*).
3. Penambahbaikan bagi markah ahli Senat (subseksyen 22(1)(d)) dan jurnal dalaman ini adalah seperti di Lampiran A dan B Pekeliling ini. Walau bagaimanapun, pemberian markah ini adalah bersifat sementara dan pihak Universiti boleh menarik semula atau menjumudkannya pada ketika ia tidak lagi dirasakan sesuai dalam menyokong usaha status Universiti Penyelidikan.

4. Justeru, Pengurusan Universiti berharap melalui penambahbaikan ini, staf akan terus berusaha untuk mempertingkatkan prestasi perkhidmatan seterusnya membantu mengekalkan status Universiti Penyelidikan (*Research University*) selaras dengan keperluan di dalam MyRAII.

Sekian, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)  
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

## LAMPIRAN A

### PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN PENILAIAN PRESTASI STAF AKADEMIK (E-LPPT) TAHUN 2017: MENGAMBILKIRA PENGIFTIRAFAN AHLI SENAT YANG MENGHADIRI SENAT DAN JAWATANKUASA TETAP SENAT (JKTS) UNIVERSITI

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Penambahbaikan penilaian prestasi staf akademik (e-LPPT) ini bertujuan memberi pengiktirafan terhadap sumbangan dan komitmen ahli Senat yang menghadiri Senat dan Jawatankuasa Tetap Senat (JKTS).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Senat Bil. 07/2012/2013 bertarikh 2 Januari 2013 dan Bil. 06/2012/2013 bertarikh 5 Disember 2012 telah meluluskan perubahan dan penjenamaan semula JKTS Universiti seperti berikut :-

Bil.	Mesyuarat	Pengerusi
1.	JKTS Dasar dan Entiti Akademik (DEA)	Naib Canselor
2.	JKTS Kurikulum dan Kualiti Akademik (KKA)	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3.	JKTS Peperiksaan dan Pengijazahan (P&P)	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
4.	JKTS Perpustakaan dan Sumber Pendidikan (P&SP)	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
5.	JKTS Penyelidikan dan Inovasi (P&I)	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
6.	JKTS Pembangunan Mahasiswa (PMA)	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
7.	JKTS Jaringan Industri dan Masyarakat (JIM)	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

#### 3.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Keperluan pengiktirafan markah ini dibuat bagi menyatakan penghargaan atas komitmen yang telah diberikan oleh ahli senat yang menghadiri mesyuarat;

- 3.1.1 Kehadiran – terutama mesyuarat yang dilaksanakan sebulan sekali.
- 3.1.2 Berdasarkan kepada terma rujukan beban tugas yang dilaksanakan mereka adalah untuk membantu Senat di dalam membuat keputusan dalam perkara akademik, penyelidikan dan juga pembangunan sumber pendidikan (sumber manusia, pelajar dan infrastruktur).
- 3.1.3 Pelantikan ahli Senat adalah bagi tempoh tiga (3) tahun.

#### 4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Pemberian markah bonus yang dicadangkan adalah **sebanyak maksimum 5% sahaja** kepada ahli Senat yang menghadiri Senat dan JKTS menggunakan asas pengiraan pemberian markah seperti berikut :-
  - 4.1.1 Jumlah jam bekerja bagi seseorang staf dalam satu tahun adalah bersamaan 1,600 jam *man-hour*.
  - 4.1.2 Jumlah markah maksimum e-LPPT yang diberikan untuk tempoh satu tahun ialah 100 markah. Sehubungan itu, 16 jam adalah bersamaan dengan satu markah.
  - 4.1.3 Jika mesyuarat diadakan separuh hari, ia dikira empat jam *man-hour*. Contoh, mesyuarat JKTS KKA, JKTS DEA, JKTS PI, JKTS PMA, JKTS PSP dan JKTS JIM.
  - 4.1.4 Jika mesyuarat diadakan satu hari, ia dikira lapan jam *man-hour*. Contoh, mesyuarat JKTS PP.
- 4.2 Pemberian markah ini terbahagi kepada tiga (3) kategori berikuti sama ada yang ditambah melalui markah KAI atau markah keseluruhan bergantung kepada kategori staf:

**4.2.1 Pentadbir Akademik (AA)**

Markah sebanyak 5% akan ditambah kepada markah KAI 50% sedia ada.

**4.2.2 Staf Akademik (AC) (Penyelaras PTJ tanpa elaun)**

Markah sebanyak 5% akan ditambah kepada markah KAI 30%

**4.2.3 Staf Akademik (AC) (Bukan pentadbir lantikan Universiti/PTJ)**

Markah sebanyak 5% akan ditambah sebanyak 5% kepada markah keseluruhan

- 4.3 Senarai ahli Senat yang terlibat sebagai wakil Senat dalam Senat dan JKTS yang terlibat dalam pemberian markah ini adalah ahli yang telah disenaraikan/dikenalpasti oleh pihak Universiti.
- 4.4 Tanggungjawab untuk pengumpulan maklumat dan markah tahunan diuruskan oleh Urus Setia JKTS masing-masing dan diselaraskan oleh Urus Setia Senat. Urus Setia Senat akan mengemukakan markah kepada Urus Setia/Teknikal Jawatankuasa Kerja Sistem Penilaian Prestasi Staf Akademik e-LPPT.

**5.0 KUAT KUASA PELAKSANAAN**

Tempoh kuat kuasa pelaksanaan adalah mulai penilaian prestasi tahun 2017.

## **LAMPIRAN B**

### **PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN PENILAIAN PRESTASI STAF AKADEMIK (E-LPPT) TAHUN 2018: MENGAMBIL KIRA MARKAH PENERBITAN ARTIKEL DI JURNAL DALAMAN UTM (JURNAL TIDAK BERINDEKS)**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Penambahbaikan penilaian prestasi staf akademik (e-LPPT) ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada staf yang menerbitkan artikel di jurnal dalaman UTM (jurnal tidak berindeks) dan pada masa yang sama memastikan jurnal dalaman dapat mengekalkan status penerbitan seterusnya berjaya diindeks dalam pengindeksan jurnal seperti Scopus mahupun ISI. Ini mampu meningkatkan keupayaan Universiti dalam menghasilkan penerbitan berkualiti sepanjang masa.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Bagi meningkatkan penerbitan, Universiti telah membelanjakan banyak peruntukan untuk bayaran penerbitan kepada jurnal-jurnal luar, di samping insentif penerbitan lain secara langsung dan tidak langsung. Namun demikian, jurnal dalaman masih di tahap lama dan dilihat tiada kemajuan di samping tidak dapat mengekalkan kekerapan penerbitan secara berkala seperti mana yang telah dirancangkan disebabkan oleh kekurangan minat staf sendiri untuk menerbitkan artikel pada jurnal berkenaan.

#### **3.0 ASAS PERTIMBANGAN**

- 3.1 Permarkahan diberikan kepada penerbitan artikel dalam jurnal tidak berindeks UTM lebih tinggi daripada penerbitan dalam jurnal tidak berindeks luar selain jurnal dalaman UTM. Permarkahan yang dicadangkan adalah lebih tinggi daripada jurnal tidak berindeks luar tetapi lebih rendah daripada markah untuk jurnal berindeks Scopus, iaitu separuh daripada markah untuk artikel

diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus (berbanding markah untuk penerbitan artikel dalam jurnal tidak berindeks luar iaitu sepertiga). Tujuan markah ini perlu ditingkatkan adalah seperti berikut:

3.1.1 Terdapat 16 jurnal jurnal dalaman UTM iaitu 15 tidak berindeks dan 1 jurnal berindeks Scopus. Berdasarkan data dalam jadual yang dilampirkan, dapat dilihat bahawa penerbitan artikel dalam jurnal dalaman UTM adalah kurang memberangsangkan berkemungkinan kerana ramai staf yang fokus untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks seperti Scopus dan WOS. Dengan yang demikian, jurnal dalaman tidak berindeks tidak mendapat perhatian dan akhirnya akan hilang. Ini juga akan membantutkan usaha UTM untuk mengindeks jurnal dalaman ke Scopus seperti yang dirancangkan dalam Plan Global Universiti (*P2.2 – submitting 2 internal journal for indexing in Scopus*). Pemberian markah tambahan ini diharap akan merancakkan lagi penerbitan artikel dari staf untuk jurnal dalaman UTM yang tidak berindeks.

3.1.2 Agihan markah penerbitan jurnal semasa:

- a) Jurnal tidak berindeks = 0.33
- b) Jurnal berindeks = 1.0

#### **4.0 PELAKSANAAN**

- 4.1 Penerbitan bagi jurnal dalaman yang tidak berindeks diberikan markah 0.5 iaitu lebih tinggi daripada jurnal tidak berindeks luar tetapi lebih rendah daripada jurnal berindeks.
- 4.2 Tiada markah tambahan untuk jurnal berindeks dalaman.
- 4.3 Staf perlu memasukkan maklumat penerbitan dalam RADIS dan mengkategorikan sebagai jurnal dalaman tidak berindeks. Sistem RADIS perlu menambah “drop down menu” untuk jurnal tidak berindeks dalaman UTM bagi tujuan ini.

## **5.0    IMPLIKASI**

- 5.1    Terdapat implikasi pada sistem RADIS yang mana penambahbaikan perlu dibuat dengan menyediakan maklumat tambahan iaitu "jurnal dalaman UTM tidak berindeks" dan menyediakan pemarkahan yang baharu.
- 5.2    Sistem e-LPPT juga perlu dikemaskini berdasarkan perubahan di dalam RADIS. Selain itu, RMC dan Perpustakaan UTM perlu maklum tentang pemarkahan yang baharu bagi tujuan pengesahan dalam RADIS.

## **6.0    KUAT KUASA PELAKSANAAN**

Tempoh kuat kuasa pelaksanaan adalah mulai penilaian prestasi tahun 2018.